

Menggariskan empat objektif utama, menerajui penyelidikan industri

UMP lancar Pelan Strategik 2011-2015

Oleh YUSRI SAHAT
utusanpahang@utusan.com.my

KUANTAN 1 Feb. – Pendekatan transformasi, migrasi sikap dan pengajaran strategik dalam Pelan Strategik Universiti Malaysia Pahang (UMP) 2011-2015 mampu menjadikan universiti itu sebagai sebuah pusat pengajian tinggi berkaitan teknologi, pilihan utama bertaraf dunia.

Naib Canselor UMP Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, pelan tersebut menggariskan empat objektif utama iaitu melahirkan graduan berketerampilan melalui penawaran program kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif.

"Pelan itu juga menggariskan bahawa universiti akan menerajui inisiatif terkini dalam bidang penyelidikan berkaitan industri," katanya.

Beliau menjelaskan demikian ketika berucap pada majlis Amanat Naib Canselor dan pelancaran Pelan Strategik 2011-2015 di Kompleks Sukan UMP Kampus Gambang dekat sini baru-baru ini.

Seramai 5,000 warga UMP terdiri daripada penuntut, tenaga pengajar dan kakitangan universiti hadir pada majlis berkenaan.

Pelan strategik itu dirangka dengan mengambil kira pencapaian semasa universiti, semakan semula terhadap Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), Gagasan 1Malaysia dan Program Transformasi Kerajaan (GTP).

Dalam majlis itu, Daing Nasir turut menyampaikan watak pelantikan peneraju dalam merealisasikan Bidang Keberhasilan Utama Universiti (UKRA) di UMP.

Daing Nasir menjelaskan, UMP akan menjadi peneraju dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat berdasarkan kepakaran yang dimiliki.

"Objektif keempat ialah meletakkan UMP antara organisasi yang mengamalkan budaya kerja cemerlang dalam pengurusanannya," te-



DR. DAING Nasir Ibrahim (tengah) ditemani isteri, Datin Fazia Ali (empat dari kanan) menyaksikan buku *Pelan Strategik UMP 2011-2015* selepas melancarkannya di Kompleks Sukan Universiti Malaysia Pahang (UMP), Kuantan, Pahang baru-baru ini.

gasnya.
Selain kerjasama pintar dengan universiti luar negara, kata beliau, jaringan industri

menjadi tumpuan khusus di setiap fakulti dan jabatan untuk mendapatkan akses serta hubungan strategik dengan pihak industri.

"Kerjasama dengan Institut Automotif Malaysia (MAI) yang sedang diusahakan bagi Program Perantisan Siswazah baru-baru

ini bakal mendedahkan pelajar kejuruteraan automotif dengan persekitaran industri," katanya.

Menurut beliau, pelajar siswazah dan pensyarah UMP perlu melibatkan diri dalam penyelidikan bersama industri untuk menambah baik nilai, produk dan perkhidmatan yang disediakan.

"Dalam mencapai objektif ini, UMP mengenal pasti empat UKRA iaitu peningkatan kualiti akademik, kesinambungan kewangan, pembangunan sosioekonomi dan penjaminan UMP untuk kedudukan yang strategik.

"Pelaksanaan pelan strategik lima tahun ini mempunyai tiga fenomena kritikal yang menentukan kejayaan UMP," jelasnya.

Menurutnya, penajutan kompetitif memerlukan UMP mewujudkan kelainan dan keunikan berbanding institut pengajian tinggi lain yang menawarkan program kejuruteraan termasuk dari segi program akademik, penyelidikan, perundingan dan perbitan.

Sepanjang sembilan tahun kewujudan universiti itu, ujarnya, UMP berevolusi dengan dua fasa perdana iaitu meletakkan asas sebagai universiti teknikal dan memperkukuh serta menjana kecermerlangan.

"Kerinambungan usaha mencipta kecermerlangan berterusan sebelum ini mampu membangunkan universiti ini ke arah keunggulan lestari," katanya.

Dalam pada itu, Daing Nasir mengumumkan pelantikan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Badhrulhisham Abdul Aziz sebagai peneraju usaha meningkatkan kualiti akademik bagi UKRA pertama.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Datuk Dr. Rosli Mohd. Yunus dilantik peneraju UKRA kedua iaitu kelestarian kewangan dan UKRA ketiga bagi pembangunan sosioekonomi dipimpin Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Yuserrrie Zainuddin.